

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Kerajaan tubuh jawatankuasa khas kaji kebolehlaksanaan dan implikasi berkaitan Isu wajib imunisasi sedang diteliti



Oleh LUQMAN RIDHWAN
 MOHD. NOR

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan sedang meneliti kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan imunisasi kepada bayi dan kanak-kanak di negara ini.

Menternya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, satu jawatankuasa kerja (*task force*) melibatkan pelbagai agensi pemegang taruh telah ditubuhkan bagi mengkaji pelaksanaan dan implikasi yang berkaitan.

“Satu kertas kerja cadangan jemaah menteri bakal kita sediakan andainya perlu. Dalam meneliti cadangan imunisasi, pelbagai perkara diambil kira termasuk sasaran umur kanak-kanak, jenis vaksin, tanggungjawab ibu



DZULKEFLY

bapa dan pusat jagaan. “Selain itu, antara perkara lain yang dilihat termasuklah tanggungjawab penyedia perkhidmatan imunisasi, fi perkhidmatan, penalti dan penguatkuasaan,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) berhubung pendirian kementerian untuk mewajibkan vaksinasi kanak-kanak berikutan kenaikan kes difteria di Johor.

Mengulas lanjut, Dzulkefly berkata, pihak kementerian juga sedang dalam proses untuk mendapatkan pandangan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan swasta serta persatuan berkaitan untuk meneliti isu-isu berkenaan.

Menurut beliau, sehingga kini, pelbagai program dan



KERAJAAN sedang mengumpulkan maklumat daripada pelbagai pihak berkepentingan bagi melihat keberkesanannya sebelum ia dapat dilaksanakan. – Gambar hiasan

aktiviti advokasi telah dijalankan di semua peringkat bagi menangani isu keraguan serta penolakan vaksin, antaranya program kesedaran menerusi media arus perdana dan sosial.

Katanya, turut dilakukan adalah menjalin kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Pejabat Mufti negeri

untuk membetulkan pandangan masyarakat terutama tentang hukum dan fatwa berkaitan imunisasi.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr. Adham Baba (BN-Tenggara) yang ingin tahu situasi bekalan vaksin di hospital kerajaan dan swasta, Dzulkefly memberi jaminan bekalan di kedua-dua sektor itu mencukupi.